



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA  
PADA 22 MAC 2018**

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
<b>SH/BIL. SUKNS/ 3/2018</b>	Kerja- kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Penghawa Dingin Di Kompleks Sukan Majlis Sukan Negeri Sembilan Seremban 2.  <b>PERINGATAN: Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima..</b>	Kelas: G1  Kategori: ME  Pengkhususan: M01	RM30.00 setiap satu borang	<b>30/3/2018 (Jumaat)  9.30 pagi  Kompleks Sukan Tan Sri Dato Haji Mohd Said Seremban 2, Negeri Sembilan</b>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **30 Mac 2018 hingga 5 April 2018** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen sebutharga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebutharga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 5 April 2018 (Khamis).** Sebutharga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.